

SULIT

NO. KAD PENGENALAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--



LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2014

5226/1

TASAWWUR ISLAM

Kertas 1

Nov./Dis.

1 $\frac{1}{4}$ jam

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis nombor kad pengenalan dan angka giliran anda pada petak yang disediakan.
2. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
3. Jawab semua bahagian.
4. **Bahagian A** mengandungi **20** soalan. Jawab setiap soalan dengan menghitamkan ruangan yang betul di halaman 12 di dalam kertas soalan ini.
5. **Bahagian B** mengandungi **20** soalan. Jawab semua soalan. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruangan jawapan yang disediakan di dalam kertas soalan ini.
6. Anda dinasihati supaya mengambil masa 30 minit untuk menjawab soalan **Bahagian A** dan 45 minit untuk **Bahagian B**.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Kod Pemeriksa:			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1 – 20	20	
B	21 – 40	20	
Jumlah		40	

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.

[Lihat halaman sebelah

5226/1 © 2014 Hak Cipta Kerajaan Malaysia

SULIT



Bahagian A

[20 markah]

Naluri semula jadi manusia yang mengakui adanya Allah SWT.

1 Pernyataan di atas merujuk kepada maksud

- A Uluhiyyah.
- B Rububiyyah.
- C Asmaul Husna.
- D Fitrah beragama.

- Allah SWT pencipta, pemilik dan pentadbir alam.
- Allah SWT berkuasa memberi sesuatu mengikut kehendak-Nya.
- Kekuasaan Allah SWT meliputi langit dan bumi.

2 Pernyataan di atas menerangkan konsep

- A Uluhiyyah.
- B Rububiyyah.
- C Rabbaniyyah.
- D Syumuliyah.

3 Antara yang berikut yang manakah kesan terhadap individu yang meragui kebenaran Islam?

- A Imannya lemah.
- B Akhlaknya rosak.
- C Syahadahnya terbatal.
- D Masyarakat menghina.

4 Antara yang berikut yang manakah perkara yang **tidak** mampu difikirkan oleh akal tanpa bimbingan wahyu?

- A Alam ghaib
- B Kejadian manusia
- C Alam musyahadah
- D Kejadian siang dan malam

- 5 Manakah antara berikut pemikiran yang bercanggah dengan Islam?
- I Mencipta sesuatu yang boleh mendatangkan kemusnahan alam
 - II Menekankan hubungan sesama manusia dan alam
 - III Mengasaskan fahaman anti hadis
 - IV Memikirkan zat Allah SWT
- A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV
- 6 Apakah kelebihan manusia yang menggunakan akal?
- A Mengkaji zat Allah SWT.
B Membina tamadun yang tinggi.
C Memikirkan cara beribadat yang mudah.
D Memahami al-Quran berdasarkan logik akal.
- 7 Antara yang berikut yang manakah contoh ajaran sesat?
- A Solat sembilan rakaat sehari semalam.
B Berjihad ke jalan Allah SWT.
C Mentafsir al-Quran mengikut ulama.
D Mendakwa dirinya sebagai pengikut nabi.
- 8 Mukjizat bermaksud perkara luar biasa yang berlaku kepada
- A umat Islam tanpa diusahakan untuk mempelajarinya.
B manusia biasa yang tinggi darjatnya di sisi Allah SWT.
C orang yang bakal dilantik oleh Allah SWT sebagai rasul.
D kepada para rasul untuk membuktikan kebenaran kerasulan.

Kekuatan iman dan ketaqwaan kepada Allah SWT dapat memantapkan persaudaraan Islam.

- 9 Kekuatan iman dan ketaqwaan kepada Allah SWT seperti pernyataan di atas dapat dicapai dengan cara
- A mengadakan majlis suai kenal.
B menghadiri majlis perkahwinan.
C mengiringi jenazah ke tanah perkuburan.
D menganjurkan program bergotong-royong.

Sesuatu yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada hamba-Nya untuk dimiliki dan dimanfaatkan.

- 10 Pernyataan di atas menerangkan _____ hak milik.
- A konsep
B batasan
C pengertian
D kepentingan
- 11 Antara yang berikut yang manakah bentuk penceroohan harta dengan cara pecah amanah?
- A Riba
B Rasuah
C Mencuri
D Merompak
- 12 Antara yang berikut yang manakah kelebihan bekerja kerana Allah SWT terhadap individu?
- A Pelanggan akan berpuas hati.
B Meningkatkan mutu barangan.
C Melahirkan pekerja yang ikhlas.
D Menghasilkan produk yang berkualiti.
- 13 Muamalah ialah aktiviti yang berhubung dengan tatacara perhubungan antara
- A manusia dengan Pencipta.
B manusia dengan manusia.
C manusia dengan haiwan.
D manusia dengan alam.

- Hukuman ditentukan oleh Allah SWT.
- Tiada pengampunan waris.

- 14 Maklumat di atas menerangkan tentang hukum
- A takzir.
B hudud.
C qisas.
D diat.

“Bahawasanya Rasulullah SAW melarang menjual atau membeli anak binatang ternakan yang masih dalam kandungan ibunya”

(Riwayat oleh al-Bazzar)

- 15 Berdasarkan maksud hadis di atas, Rasulullah SAW melarang perbuatan muamalah tersebut kerana terdapat unsur
- A monopoli.
 - B pemerasan.
 - C penindasan.
 - D belum pasti.
- 16 Antara yang berikut yang manakah ciri muamalah Islam?
- A Menggalakkan manusia bekerja.
 - B Mendapat keberkatan Allah SWT.
 - C Mewujudkan masyarakat yang aman.
 - D Mendatangkan manfaat kepada kedua-dua belah pihak.

Perkara yang diberikan kebebasan kepada seseorang untuk melakukan atau meninggalkannya tanpa dikenakan sebarang pembalasan.

- 17 Pernyataan di atas menerangkan maksud
- A harus.
 - B wajib.
 - C sunat.
 - D haram.
- 18 Antara yang berikut yang manakah istilah kontrak jual beli secara ansuran?
- A Al-Rahn
 - B Al-Wadiah
 - C Al-Takaful
 - D Al-Bai' bithaman ajil

Kepercayaan dan keyakinan yang teguh kepada Allah SWT.

- 19** Pernyataan di atas merujuk kepada penyelesaian masalah berasaskan
- A akidah.
 - B akhlak.
 - C syariah.
 - D ibadah.
- 20** Antara yang berikut yang manakah cara menghindari masalah ‘menghidu gam’ dalam kalangan remaja?
- A Menghayati ajaran agama.
 - B Mengenakan tindakan tegas.
 - C Melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti.
 - D Mengelakkan diri daripada terlibat dengan rakan sebaya.

Bahagian B

[20 markah]

Soalan 21 hingga Soalan 24

Tulis istilah yang bersesuaian dengan pernyataan berikut pada ruangan yang disediakan berdasarkan pilihan jawapan yang diberikan.

Sekularisme	Sosialisme	Komunisme
Al-Ijarah	Ar-Rahn	Al-Takaful

21 Fahaman yang memisahkan nilai-nilai agama dengan kehidupan.

22 Fahaman yang menjadikan faktor pengeluaran dan barang-barang pengguna milik negara atau milik bersama rakyat.

23 Menjadikan sesuatu barangan yang berharga sebagai cagaran bagi sesuatu hutang.

24 Perjanjian yang membolehkan seseorang mengambil faedah daripada milik orang lain dengan membayar bayaran yang tertentu.

Soalan 25 hingga Soalan 28

Lengkapkan pernyataan berikut berdasarkan pilihan jawapan yang diberikan.

25	99	313
40	80	100

25 Allah SWT memiliki nama dan 41 sifat.

26 Bilangan nabi seramai 124,000 orang manakala bilangan rasul seramai orang.

27 Hukuman ke atas penzina yang belum berkahwin disebut kali.

28 Hukuman ke atas pesalah minum arak disebut kali.

Soalan 29 hingga Soalan 32

Tulis jawapan yang betul berdasarkan pilihan jawapan yang diberikan.

Qias	Diat	Takzir	Qisas	Ijmak	Hadis
------	------	--------	-------	-------	-------

No.	Pernyataan	Jawapan
29	Menyandarkan sesuatu hukum yang tiada hukumnya mengikut nas kepada sesuatu hukum asal yang mempunyai nas kerana wujudnya persamaan sebab (illah).	
30	Hasil ijtihad majoriti ulama dalam sesuatu perkara pada masa tertentu yang tidak jelas nasnya sama ada dalam al-Quran atau hadis.	
31	Kepentingannya adalah untuk melindungi jiwa yang tidak berdosa daripada dizalimi.	
32	Kepentingannya adalah memberikan peluang kepada penjenayah untuk bertaubat atas kesalahan yang dilakukannya.	

1


1

1

1

Soalan 33 dan Soalan 34

Carta A di bawah merujuk kepada elemen penting dalam pembentukan negara Islam.




Carta A

33 P ialah

34 Q ialah

Soalan 35 dan Soalan 36

Carta B di bawah merujuk kepada perkara yang boleh merosakkan ibadat.



Carta B

35 R ialah

36 S ialah

1

1

1

1

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Soalan 37 hingga Soalan 40

Tanda (✓) pada pernyataan yang betul.

Tanda (X) pada pernyataan yang salah.

1

- 37 Antara ujian Allah SWT terhadap pemilik harta yang lemah imannya ialah mereka sentiasa menunaikan ibadat wajib.

--

1

- 38 Implikasi larangan penceroobohan harta ialah kehidupan orang miskin akan teraniaya.

--

1

- 39 Antara ciri ajaran sesat ialah kepercayaan kepada penyatuan beberapa agama terbesar di dunia sebagai agama yang sepatutnya menjadi anutan kepada semua manusia.

--

1

- 40 Mengerjakan segala perintah Allah SWT merupakan satu daripada cara menghayati sifat Rabbaniyyah.

--

KERTAS SOALAN TAMAT

Markah Bahagian B

--

KERTAS JAWAPAN
Bahagian A

- | | | | | | | | | | |
|----|-----|-----|-----|-----|----|-----|-----|-----|-----|
| 1 | (A) | (B) | (C) | (D) | 11 | (A) | (B) | (C) | (D) |
| 2 | (A) | (B) | (C) | (D) | 12 | (A) | (B) | (C) | (D) |
| 3 | (A) | (B) | (C) | (D) | 13 | (A) | (B) | (C) | (D) |
| 4 | (A) | (B) | (C) | (D) | 14 | (A) | (B) | (C) | (D) |
| 5 | (A) | (B) | (C) | (D) | 15 | (A) | (B) | (C) | (D) |
| 6 | (A) | (B) | (C) | (D) | 16 | (A) | (B) | (C) | (D) |
| 7 | (A) | (B) | (C) | (D) | 17 | (A) | (B) | (C) | (D) |
| 8 | (A) | (B) | (C) | (D) | 18 | (A) | (B) | (C) | (D) |
| 9 | (A) | (B) | (C) | (D) | 19 | (A) | (B) | (C) | (D) |
| 10 | (A) | (B) | (C) | (D) | 20 | (A) | (B) | (C) | (D) |

Markah Bahagian A

SULIT



LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2014

5226/2

TASAWWUR ISLAM

Kertas 2

Nov./Dis.

2 $\frac{1}{2}$ jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi **tujuh** soalan.
2. **Soalan 1** mesti dijawab. Kemudian jawab **empat** soalan daripada mana-mana soalan berikutnya.
3. Kesemuanya **lima** soalan yang mesti dijawab.
4. Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang di dalam buku jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan. Helaian tambahan (jika ada) hendaklah diikat dan dihantar bersama-sama buku jawapan pada akhir peperiksaan.

Kertas soalan ini mengandungi 5 halaman bercetak dan 3 halaman tidak bercetak.

[Lihat halaman sebelah

5226/2 © 2014 Hak Cipta Kerajaan Malaysia

SULIT



Soalan 1 mesti dijawab. Kemudian jawab **empat** soalan daripada mana-mana soalan berikutnya.

- 1** (a) (i) Alam terbahagi kepada dua iaitu alam musyahadah dan alam ghaib.
Nyatakan pengertian alam musyahadah. [2 markah]
- (ii) Senaraikan **empat** contoh alam ghaib. [4 markah]
- (b) Nyatakan maksud memulihara alam. [2 markah]
- (c) Jelaskan **dua** hikmah wahyu al-Quran diturunkan secara berperingkat-peringkat. [4 markah]
- (d) (i) Nyatakan maksud Islam sebagai ad-Din. [2 markah]
- (ii) Nyatakan bukti Islam sebagai ad-Din. [2 markah]
- (e) Terangkan **dua** bentuk ancaman budaya asing terhadap umat Islam. [4 markah]
- 2** (a) Jelaskan **dua** ciri agama langit. [4 markah]
- (b) Terangkan **dua** prinsip Rabbaniyyah. [4 markah]

Menyelesaikan masalah adalah satu daripada prinsip Waqi'iyah.

- (c) Terangkan **dua** cara menyelesaikan masalah rumah tangga menurut prinsip Waqi'iyah. [4 markah]
- (d) Huraikan **dua** bukti persamaan taraf manusia menurut pandangan Islam. [4 markah]

Ahmad bertolak dari rumahnya di Johor Bahru menuju ke Alor Setar, Kedah kerana menziarahi bapanya yang sakit di bulan Ramadan.

- (e) Berdasarkan situasi di atas, huraikan contoh thabat dan murunah berkaitan:
- (i) puasa Ahmad [2 markah]
- (ii) solat bapa Ahmad [2 markah]

- 3 (a) (i) Kepimpinan negara merupakan antara aspek yang terkandung dalam Perlembagaan Madinah.
Senaraikan **empat** aspek yang lain. [4 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** kedudukan Rasulullah SAW dalam kepimpinan negara Madinah. [4 markah]
- (b) Rakyat mempunyai tanggungjawab dan peranan yang sama penting dengan pemerintah dalam sesebuah negara.
- (i) Terangkan **dua** tanggungjawab rakyat terhadap pemerintah. [4 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** kesan pengabaian tanggungjawab tersebut. [4 markah]
- (c) Huraikan **dua** peranan kehakiman Islam dalam menjamin keamanan masyarakat majmuk. [4 markah]
- 4 (a) (i) Mengapakah Islam menggalakkan umatnya mencari harta? [2 markah]
- (ii) Senaraikan **dua** langkah memperoleh harta secara halal. [2 markah]
- (b) Jelaskan **dua** perbezaan antara bekerja sendiri dengan bekerja di sektor awam atau swasta. [4 markah]
- (c) Anda melakukan kerja sementara semasa cuti sekolah.
Terangkan **dua** etika kerja dalam Islam yang perlu anda patuhi semasa bekerja. [4 markah]
- (d) Al-Mudharabah merupakan sistem muamalah Islam yang menepati konsep at-Ta'awun (kerjasama).
Terangkan **dua** contoh lain dalam sistem muamalah Islam yang menepati konsep at-Ta'awun (kerjasama). [4 markah]
- (e) Terangkan **dua** kepentingan sistem muamalah dalam kehidupan manusia. [4 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT

- 5 (a) Jelaskan **dua** cara mencapai matlamat perundangan Islam. [4 markah]
- (b) (i) Nyatakan pengertian hukum berikut:
(a) wajib [2 markah]
(b) haram [2 markah]
- (ii) Tulis **dua** contoh bagi setiap hukum berikut:
(a) harus [2 markah]
(b) makruh [2 markah]
- (c) Amalan bersedekah adalah satu daripada ibadat yang mendidik manusia mencari harta tanpa mengabaikan nasib golongan yang tidak bernasib baik.
Terangkan **dua** contoh ibadat lain yang mampu mendidik manusia mencapai tujuan di atas. [4 markah]
- (d) (i) Nyatakan pengertian perkahwinan menurut syarak. [2 markah]
(ii) Terangkan tujuan perkahwinan dalam Islam. [2 markah]
- 6 (a) (i) Jelaskan **dua** perlakuan dalam penyelesaian masalah menurut Islam. [4 markah]
(ii) Jelaskan **tiga** amalan yang perlu anda lakukan untuk menyelesaikan masalah dalam kehidupan. [6 markah]
- (b) Dalam menyelesaikan masalah, Islam menyediakan pelbagai kaedah melalui akidah, syariat dan akhlak.
Jelaskan **tiga** kaedah penyelesaian masalah perpaduan ummah melalui akhlak. [6 markah]
- (c) Terangkan **dua** kelebihan penyelesaian masalah menurut Islam. [4 markah]

- 7 (a) Senaraikan **empat** jenis muamalah Islam selain al-Mudharabah. [4 markah]
- (b) Jelaskan **dua** perbezaan antara fatwa dengan ijtihad. [4 markah]
- (c) Gejala sosial dan kemungkaran antara punca timbulnya pelbagai masalah dalam kehidupan manusia.
- (i) Jelaskan **dua** keperluan penyelesaian masalah menurut Islam bagi mengatasi masalah tersebut. [4 markah]
- (ii) Huraikan **dua** cara Islam menyelesaikan masalah anak luar nikah. [4 markah]
- (d) Setiap orang Islam disuruh bertaubat kepada Allah SWT atas segala kesalahan yang dilakukannya.
- Huraikan **dua** kepentingan taubat kepada pelaku kesalahan. [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT